

27 AUG 2001

MAHATHIR-PERTUMBUHAN

M'SIA TIDAK AKAN BERPATAH BALIK UNTUK CAPAI SASARAN TAHUNAN 7.0 PER
MENUJU WAWASAN 2020

PETALING JAYA, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak akan berpatah balik daripada sasarannya purata tahunan pertumbuhan tujuh peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk mencapai Wawasan 2020.

Beliau berkata dengan mendokong pendirian berani dan positif itu, Malaysia akan berusaha untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapinya dalam menuju ke arah itu.

"Kita tidak boleh menyerah begitu sahaja sasaran kita tanpa melakukan usaha untuk mengatasi masalah sosial," beliau memberitahu pemberita pada sesi dialog semasa persidangan kebangsaan mengenai Dasar Wawasan Negara, Rancangan Malaysia Kelapan dan Penswastan di sini hari ini.

Katanya beliau percaya masalah sosial akan sentiasa ada bila-bila seseorang cuba melaksanakan perubahan-perubahan, dan ia akan mengambil masa yang lama untuk membuat pengubah suaian yang perlu.

"Tetapi kita tidak mampu untuk berpatah balik. Kita perlukan rakyat mempelajari dan memahami apakah masalah dan apa yang perlu diselesaikan," katanya ketika menjawab satu soalan mengenai sama ada Malaysia akan menurunkan pertumbuhan sasarannya.

Dr Mahathir berkata pertumbuhan Malaysia adalah salah satu daripada yang paling pesat di dunia dan ini akan mempunyai kesan menggugat ke atas masyarakat, dengan sesetengah rakyat mampu mengendalikan masalah manakala yang lain mendapatinya sukar.

Bagaimanapun, katanya kerajaan cuba menyelesaikan masalah dan memerlukan sokongan rakyat terutamanya apabila ia mengambil langkah-langkah yang kelihatan tidak popular.

Beliau merasakan adalah sukar menjadi popular sepanjang masa dan kerajaan kadang-kadang perlu menjadi tidak popular untuk menggerakkan sesuatu.

Mengenai langkah-langkah yang akan diambil berikutan kelembapan ekonomi AS yang berpanjangan, katanya negara akan terpaksa merangsang jualan runcitan untuk meningkatkan permintaan pengguna.

Perdana Menteri mengeluh terhadap kadar perbelanjaan yang lemah pakej rangsangan fiskal tambahan oleh kerajaan dengan cuma RM200 juta dibelanjakan setakat ini.

"Ini tidak akan berjaya dan setiap orang mestilah menyumbang usahanya dan menyelesaikan masalah," katanya.

Di samping itu, beliau bersungguh-sungguh menasihati para peniaga tempatan supaya mencari pasaran-pasaran baru.

Di dalam lawatannya ke Yemen dan Uganda baru-baru ini, Dr Mahathir mendapati bahawa pasaran-pasaran di sana telah dieksploitasi sepenuhnya dan peniaga-peniaga di negara-negara berkenaan telah menunjukkan minat yang besar terhadap keluaran-keluaran Malaysia.

Beliau merasakan usaha-usaha perlu dibuat untuk mengadakan urusan secara terus dengan bakal-bakal pelanggan yang banyak antaranya telah menyatakan kesukaran dalam memperolehi barangan Malaysia secara terus kerana mereka terpaksa melalui orang tengah atau negara ketiga.

Dr Mahathir menggesa para peniaga mengetepikan negara ketiga yang bertindak sebagai orang tengah dan sebaliknya melaksanakan pendekatan pasaran yang agresif untuk mengujudkan perhubungan terus. -- BERNAMA

SHO KTC OS